

Latihan Kata Kerja

Tandakan (/) bagi kata kerja yang betul berdasarkan ayat-ayat di bawah ini.

- 1) Mereka sedang _____ tentang tugas yang diberikan oleh Cikgu Hafiq.
berunding () berbincang () bersatu ()
- 2) Sebilah keris pusaka _____ di pinggang panglima yang berani itu.
terbelit () terselit () tersisip ()
- 3) Ibu menahan marah apabila melihat cebisan kertas _____ di lantai.
bertaburan () berguguran () bercucuran ()
- 4) En. Azman menghadiahi Pn. Maziah sebungkus cincin _____ zamrud.
bersulamkan () bersarungkan () bertatahkan ()
- 5) Pn. Aisyah berasa gembira kerana prestasi anaknya iaitu Fawwaz Akram semakin _____.
melaju () meningkat () menurun ()

Tulis jawapan yang betul pada ruang yang disediakan.

- 1) Burung merpati itu _____ di dahan pokok
A) singgah
B) hinggap
C) tinggal
D) tumpang
- 2) Seekor ikan paus _____ di pantai itu.
A) terlantar
B) terhampar
C) terlentang
D) terdampar
- 3) Sekawan burung _____ di angkasa sambil berkicau riang.
A) berterbangan
B) bertempiaran
C) berkibaran
D) berlarian